

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, October 28, 2018 10:58 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Ekspo Keusahawanan Pelajar Dan PKS 2018 Rangsang Aktiviti Keusahawanan



28 OKTOBER 2018 / 19 SAFAR 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

EKSPLO KEUSAHAWANAN PELAJAR DAN PKS 2018 RANGSANG AKTIVITI KEUSAHAWANAN



UUM ONLINE: Ekspo Keusahawanan Pelajar dan PKS (Perindustrian Kecil & Sederhana) diharap dapat menjadi perangsang kepada aktiviti keusahawanan pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam melahirkan usahawan yang berilmu dan berdaya saing.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad berkata, ekspo selama tiga hari itu mampu memupuk dan melahirkan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar.

Menurutnya, usaha yang bersepadu perlu diambil bagi menerapkan nilai dan budaya keusahawanan sedari awal dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan.

Katanya, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga amat komited dalam memberikan penekanan tentang pentingnya menghasilkan graduan holistik bercirikan keusahawanan yang seimbang.

"Malah, Kementerian Pembangunan Usahawan juga telah mensasarkan untuk melahirkan sejuta usahawan kecil dan sederhana dalam tempoh lima tahun akan datang, selain meletakkan sasaran melahirkan kira-kira 200,000 usahawan setahun di seluruh negara dengan menumpukan perhatian kepada golongan B40 dan juga mereka yang baru menamatkan pengajian.

"Sehubungan itu, penganjuran Ekspo Keusahawanan Pelajar dan PKS ini dilihat sebagai satu usaha yang menyokong inisiatif kerajaan untuk melahirkan lebih ramai usahawan khususnya dalam kalangan generasi muda," katanya pada Majlis Penutup Ekspo Keusahawanan Pelajar dan PKS Sempena Bulan Keusahawanan Siswa 2018 di Varsity Mall, semalam.

Beliau yang mewakili Naib Canselor berkata, dalam proses melahirkan seorang usahawan diakui sememangnya bukanlah sesuatu perkara yang mudah kerana ia bukan sahaja perlu menumpukan kepada inisiatif untuk melahirkan usahawan semata-mata tetapi perlu juga memberi perhatian kepada usaha untuk membentuk usahawan yang berkualiti dan mempunyai daya tahan dan daya saing yang cukup tinggi.

Tambahnya, Ekspo Keusahawanan Pelajar dan PKS yang dianjurkan CEDI itu telah menyusun pelbagai pengisian bagi memastikan objektif yang telah ditetapkan tercapai dengan baik.

"Generasi muda yang berwibawa akan mencipta kekayaan baharu yang akan menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi yang mapan dan mampu memberi kemakmuran, bukan sahaja kepada generasi muda sendiri malah merupakan sumbangan kepada rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

"Semoga matlamat utama penganjuran ekspo ini dapat memberikan pendedahan keusahawanan kepada pelajar dan mereka dapat memanfaatkan peluang ini sebagai batu loncatan untuk menimba pengalaman, pengetahuan dan strategi yang boleh meningkatkan nilai diri pada masa akan datang," katanya.

Ekspo bermula 26 Oktober lalu itu antara lain melibatkan booth pameran dan jualan, aktiviti aerodance, forum keusahawanan, Malam Kerohanian bersama PU Amin, Batik Pelikat Fun Run dan kaunter SSM serta JPJ.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.